

Kementerian jamin bantu pesawah terjejas akibat banjir

KUALA LUMPUR 29 Okt. - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan akan membantu kira-kira 8,000 petani di Kedah yang mengalami kerugian akibat sawah padi mereka ditenggelami air berikutan banjir minggu lalu.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Mohd. Shariff Omar berkata, beberapa agensi di bawah kementerian itu ketika ini sedang giat mengumpulkan laporan kerosakan yang dialami oleh para petani terbabit.

Kata beliau, laporan tersebut penting bagi membolehkan pihak kementerian membuat peruntukan yang secukupnya untuk membantu petani-petani yang terjejas akibat banjir.

"Setelah agensi-agensi itu selesai menyediakan laporan berkenaan, mereka akan mengemukakan maklumat itu kepada kementerian bagi membolehkan kita menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk membantu para pesawah padi yang terjejas," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Khamis lalu, dilaporkan lebih 16,000 hektar sawah padi musnah akibat ditenggelami air berikutan banjir yang melanda beberapa daerah di Kedah dan Perlis melibatkan kerugian kira-kira RM4.7 juta.

Ia meliputi kira-kira 10,000 hektar sawah dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan 6,155 hektar lagi di luar kawasan MADA milik kira-kira 8,000 petani.

Tiga daerah di Kedah iaitu Kota Star, Kubang Pasu dan Pendang dilanda banjir sejak lebih seminggu lalu menyebabkan banyak sawah di situ ditenggelami air.